
SIARAN BERITA

MyCC MEMBERITAHU BADAN-BADAN PROFESIONAL UNTUK MENGHAPUSKAN SKALA YURAN

KUALA LUMPUR, 10^{hb} Mac 2015 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengeluarkan surat kepada empat (4) badan-badan profesional yang memerlukan mereka untuk menghapuskan skala yuran mereka bagi mendukung semangat undang-undang persaingan. MyCC berpendapat bahawa skala-skala yuran yang ditetapkan oleh badan-badan profesional adalah bertentangan dengan peruntukan dibawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Sehubungan dengan itu, satu badan profesional telah menghapuskan skala yuran mereka iaitu, Institut Penimbangtara Malaysia (MIArb).

"Penetapan yuran oleh badan-badan profesional yang tidak diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang untuk berbuat demikian adalah suatu pelanggaran di bawah AP 2010" kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Dr Mohd Khalid Bin Abdul Samad. "Dengan menghapuskan sebarang aktiviti antipersaingan dalam sektor masing-masing akan menyebabkan pengguna mendapat manfaat daripada harga yang kompetitif dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik," katanya lagi.

Akta Persaingan 2010 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 dan oleh itu semua pihak yang berkenaan kini harus mematuhi peruntukan dibawah Akta tersebut. MyCC telah memberikan setiap badan profesional sehingga 30 hari untuk mematuhi keperluannya untuk menghapuskan skala-skala yuran. Sebagai sebahagian daripada proses penglibatan dengan badan-badan profesional mengenai penetapan skala yuran, MyCC telah menjalankan sesi rundingan awam pada 19 Mei 2014.

MyCC telah menjalankan kajian ke atas badan-badan profesional yang boleh didapati di laman web MyCC di www.mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.